

Pelabuhan Johor capai 1 juta TEU pengendalian kontena pada 2019

JOHOR BAHRU: Pelabuhan Johor mencatatkan satu pencapaian penting apabila ia mengendalikan lebih daripada satu juta unit bersamaan 20 kaki (TEU) kontena pada 2019, kali pertama sejak pelabuhan tersebut memulakan operasi terminal kontenanya pada 1993.

Pencapaian itu merupakan peningkatan 10.5 peratus berbanding kuantiti 900,000 TEU pada tahun sebelumnya.

Pengerusi Johor Port Bhd, Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh berkata kejayaan ini disumbang oleh beberapa faktor yang termasuk peningkatan keseluruhan produktiviti pengendalian kontena dan peralatan berkualiti serta penyampaian komunikasi dan perkongsian maklumat yang lebih baik dengan pelanggan secara individu mahupun menerusi persatuan.

Hasilnya, syarikat pengangkut menggunakan lebih banyak perkhidmatan dan pada masa yang sama menyediakan kuantiti lebih besar bagi perkhidmatan mereka di Pelabuhan Johor.

Che Khalib berkata syarikat perkapalan global seperti Evergreen Marine Corporation, Wan Hai Lines, COSCO Shipping Lines dan Mediterranean Shipping Company, sebagai contohnya, menggunakan kapal mereka untuk singgah di Pelabuhan Johor bagi pertukaran kuantiti kendalian yang tinggi, bagi kontena penuh dan

kontena kosong.

Syarikat pengangkut seperti Regional Container Lines (RCL) dan Sinokor kini meningkatkan aktiviti pindah kapal mereka di Pelabuhan Johor terutamanya bagi laluan ke Bangkok serta Sabah dan Sarawak.

"Syarikat perkapalan kini lebih yakin dengan Pelabuhan Johor berikutan integriti perkhidmatan kami yang membawa kepada lebih banyak hubungan ke pelbagai destinasi antara Asia, serta perkhidmatan jarak jauh ke Amerika Syarikat dan Eropah menerusi syarikat pengangkutan antarabangsa seperti Atlantic Container Line, Pancon Shipping and Marine, dan RCL," katanya pada majlis sempena meraih pencapaian satu juta TEU itu, yang dihadiri Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook, di sini, semalam.

Che Khalib berkata pada masa depan, Pelabuhan Johor akan terus menaik taraf, mengukuhkan dan menambah baik produktiviti dan kecekapannya bagi memenuhi keperluan pelanggan dan pada masa yang sama memastikan pelabuhan itu kekal sebagai pintu masuk ke Selatan.

"Kami melabur dalam pelbagai inisiatif penambahbaikan produktiviti dan menaik taraf peralatan dalam beberapa tahun lepas dan akan terus melabur bagi memastikan pelabuhan kami menjadi lebih cekap. – Bernama